



8 September 2017
SIARAN MEDIA

ANGKASA BUKA PELUANG PERNIAGAAN KOPERASI SEKOLAH MELALUI KERJASAMA DENGAN YAKULT

Kelana Jaya, 28 September 2017 - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) pada hari ini telah menganjurkan Program Jaringan Perniagaan Bersama Yakult pada 28 September 2017 di Auditorium, ANGKASA. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Presiden ANGKASA, YBhg. Dato' Hj. Abdul Fattah Hj. Abdullah.

Program ini diadakan merupakan salah satu inisiatif ANGKASA, sebagai badan Apeks Gerakan Koperasi Negara dalam membuka peluang kepada koperasi sekolah menceburi perniagaan baru iaitu memasarkan produk keluaran Yakult melalui koperasi di sekolah masing - masing kepada seluruh warga sekolah.

Melalui jalinan kerjasama ANGKASA dan Yakult (Malaysia) Sdn Bhd ini, koperasi sekolah juga dapat menggalakkan para pelajar mengamalkan pemakanan sihat di samping dapat menjana kepada pendapatan koperasi sekolah. Di dalam majlis ini juga wakil – wakil daripada sekolah telah dijemput bagi mendengar taklimat oleh wakil dari syarikat Yakult mengenai perniagaan yang bakal diceburi dan manfaatnya oleh pihak koperasi sekolah.

Presiden ANGKASA, Dato' Abdul Fattah Abdullah berharap koperasi sekolah akan terus berkembang dan maju dalam bidang perniagaan yang diceburi seiring dengan apa yang dikecapi oleh koperasi dewasa. Pelbagai jenis perniagaan boleh diceburi oleh koperasi sekolah termasuklah bidang peruncitan, pelancongan, pertanian dan sebagainya yang mana dapat melatih para pelajar untuk lebih bersedia menceburi bidang keusahawanan sebaik tamat persekolahan.

MENGENAI ANGKASA

ANGKASA adalah koperasi Apeks yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai Badan Puncak Gerakan Koperasi Malaysia. Selain daripada menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, kesatuan dan syarikat GLC, ANGKASA turut melaksanakan program transformasi koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi.

Pada masa ini ANGKASA menaungi kira-kira 13,428 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 8 juta orang. Jumlah modal syer / yuran anggota adalah sebanyak RM13.9 bilion, jumlah aset RM130 bilion dan perolehan sebanyak RM39 bilion (sasaran 2020, RM50 bilion).

(Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah mendapat pensijilan sistem pengurusan kualiti (ISO 9001:2015) dan sistem pengurusan keselamatan maklumat (ISO 27001:2013) yang diaudit setiap tahun oleh SIRIM QAS International.

Dikeluarkan oleh :

Bahagian Komunikasi Korporat

ANGKASA Tel. : +603 – 7800 7872 Faks: +603 – 7884 6489